

Oleh MUNSİY JAWI



atau



Jadual 1 Ejaan kata jati Melayu yang mengandungi bunyi hentian glotis pada suku kata akhir.

Rumi	Jawi
pokok	فوكوك
masak	ماسق
tak	تق
mak	مق
nak	نق

Ketika membicarakan persoalan ejaan kata serapan dalam keluaran lalu, dijelaskan bahawa huruf "k" di hujung perkataan "automatik" dieja dengan huruf kaf dalam ejaan Jawi. Ketetapan ini terpakai kepada semua kata serapan bahasa Inggeris atau bahasa Eropah lain yang berakhir dengan huruf konsonan "k" dalam tulisan Rumi. Bagaimanakah pula dengan perkataan yang tidak tergolong dalam kalangan kata serapan seperti "pokok", "masak" dan seumpamanya?

Untuk mengeja kata jati Melayu yang mengandungi bunyi hentian glotis seperti dalam perkataan "pokok" dan "masak", huruf qaf digunakan. Hukum ini bukan sahaja diguna pakai untuk perkataan, bahkan turut meliputi kata singkatan seperti "tak" (kata singkatan untuk tidak), "mak" (kata singkatan untuk emak) dan "nak" (kata singkatan hendak). Contoh ejaan perkataan-perkataan ini dikemukakan dalam Jadual 1.

Demikian juga dengan bunyi hentian glotis pada suku kata berbentuk KVK yang berada di awal atau tengah perkataan. Hal ini dapat diperhatikan pada perkataan yang mengandungi dua suku kata seperti "paksi" dan

"bakti" dan juga perkataan yang terdiri daripada tiga suku kata seperti "raksasa" dan "laksana". Bunyi hentian glotis dapat dikesan pada suku kata pertama perkataan-perkataan ini, manakala perkataan seperti "periksa", bunyi hentian glotisnya terdapat di tengah perkataan. Contoh ejaan perkataan-perkataan ini dapat dilihat dalam Jadual 2.

Keselaran ini perlu bagi membezakan bunyi hentian glotis yang terdapat pada kata jati Melayu dengan kata serapan bahasa Inggeris. Oleh itu, tidak timbul lagi kekeliruan sewaktu mengeja perkataan "cik" dan "cek". Ejaan perkataan "cik" ialah ca-ya-qaf, manakala perkataan "cek" yang merupakan kata serapan bahasa Inggeris perlu dieja dengan ca-ya-kaf.

Jadual 2 Ejaan kata jati Melayu yang mengandungi bunyi hentian glotis di awal dan tengah perkataan.

Rumi	Jawi
paksi	فقسى
bakti	بقتى
raksasa	رقساس
laksana	لقسان
periksa	قرقسا

Jadual 3 Ejaan kata serapan bahasa Inggeris yang mengandungi bunyi hentian glotis.

Rumi	Jawi
cek	چىك
doktor	دوكتور
bakteria	بكتيريا
projek	فروجىك
ekspo	اىكسفو

Begitu juga dengan perkataan "doktor" dan "bakteria". Bunyi hentian glotis yang terdapat pada kedua-dua perkataan ini perlu dieja dengan huruf kaf memandangkan kedudukannya sebagai kata serapan bahasa Inggeris. Hal ini dikatakan demikian kerana keselarasan ini turut terpakai pada bunyi hentian glotis yang terdapat di awal atau tengah kata pinjaman daripada bahasa Inggeris. Contoh ejaan bunyi hentian glotis pada kata serapan ini dapat dilihat dalam Jadual 3.

Bagi kata pinjaman daripada bahasa Arab pula, huruf ain atau hamzah digunakan bagi mewakili bunyi hentian glotis yang terdapat pada perkataan ini berdasarkan ejaan asalnya. Contohnya perkataan "wuduk" dieja dengan

Jadual 4 Ejaan kata serapan bahasa Arab yang mengandungi bunyi hentian glotis.

Rumi	Jawi
wuduk	وضوء
warak	ورع
masyrik	مشرق
imsak	امساک

Ada juga kata pinjaman bahasa Arab yang dieja dengan qaf atau kaf mengikut ejaan asal perkataan tersebut. Contoh perkataan tersebut ialah "masyriq" dan "imsak".

wau-dhad-wau-hamzah, manakala perkataan "warak" dieja dengan wau-ra-ain. Ada juga kata pinjaman bahasa Arab yang dieja dengan qaf atau kaf mengikut ejaan asal perkataan tersebut. Contoh perkataan tersebut ialah "masyriq" dan "imsak". Ejaan keempat-empat perkataan ini diperturunkan dalam Jadual 4.

Menerusi perbincangan ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan ejaan pada bunyi hentian glotis yang ada pada kata jati Melayu, kata serapan bahasa Inggeris dan kata serapan bahasa Arab. Perbezaan ini perlu diambil perhatian oleh pengguna tulisan Jawi agar sesuatu perkataan itu dapat dieja dengan tepat sesuai dengan jenisnya. DB

Language - Jawi  
pg= 40 - 41

Control No: 0000293310